Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS), Vol. 5. No. 1, 2019
ISSN 2462-2095
Universiti Malaysia Sabah

# Maharaja Overbeck: Satu Pandangan Mengenai Hak dan Kedudukan Pemerintah Borneo Utara (1877-1881)

# Maharajah Overbeck: A View on the Rights and Positions on the Goverment of North Borneo (1877-1881)

Yusry Sulaiman[1]
Bilcher Bala[2]

[1-2] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah,
Kota Kinabalu Sabah
Email: [1]yusryjason@gmail.com, [2] bilcher@ums.edu.my

## Abstrak

Gustavos Overbeck adalah seorang saudagar, pengembara, dan diplomat. Apabila beliau memajak seluruh wilayah Borneo Utara pada tahun 1877, Sultan Brunei telah melantik beliau sebagai Maharaja Sabah, Raja Gaya dan Sandakan. Tujuan asal Overbeck pergi ke Borneo Utara hanyalah untuk berniaga demi mencari keuntungan. Pada tahun 1854, beliau menjadi ejen perdagangan kepada sebuah syarikat British, iaitu Dent & Company di Hong Kong. Pada tahun 1864-1866, beliau pernah dilantik sebagai konsul Austria. Pada awal tahun 1876, Overbeck telah membeli hak konsesi syarikat *American Trading Company* yang memiliki konsesi ke atas Borneo Utara. Lantaran itu Overbeck bercita-cita untuk menubuhkan sebuah pemerintahan koloni. Pada bulan November 1877, beliau belayar ke Borneo Utara dengan tujuan untuk memperoleh hak wilayah dan eksploitasi sumber kuasa dan ekonomi. Beliau mengadap Sultan Brunei untuk memperbaharui konsesi yang hampir tamat tempoh pada ketika itu. Pada 29 Disember 1877, satu perjanjian konsesi ke atas Borneo Utara dengan Sultan Abdul Momin telah termeterai. Perjanjian tersebut memberi hak sepenuhnya kepada Overbeck untuk memerintah Borneo Utara. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan arkib. Makalah ini akan menjelaskan kejayaan dan kegagalan Overbeck untuk memanfaat kedudukan beliau sebagai pemerintah di Borneo Utara atau Maharajah dari tahun 1877 sehingga tahun 1881.

**Kata Kunci**: Overbeck, Konsesi, Koloni, Maharaja Sabah

## Abstract

Gustavos Overbeck was a merchant, traveler, and diplomat. When he occupied the whole province of North Borneo in 1877, the Sultan of Brunei appointed him as Maharaja of Sabah, and Raja of Gaya and Sandakan. Overbeck's intention to go to North Borneo was only to do business for profit. In 1854, he became a trading agent for a British company, the Dent & Company in Hong Kong. In 1864-1866 he was appointed as consul of Austria. In early 1876, Overbeck purchased the concession rights of the American Trading Company, which had concessions over North Borneo. Overbeck aspired to establish a colony. In November 1877 he sailed to North Borneo with the aim of securing territorial rights and exploiting its resources.

He met the Sultan of Brunei to renew the concession that was about to expire. On December 29, 1877, a concession agreement for North Borneo was been signed with Sultan Abdul Momin. The agreement gives Overbeck full rights to govern North Borneo. This paper will utilize library and archival research methods. This paper will explain the success and failure of Overbeck to leverage his position as ruler of North Borneo until 1881.

**Keywords**: Overbeck, Concession, Colony, Emperor Sabah

## 1.0 Pengenalan

Peristiwa sejarah Borneo Utara dengan pihak koloni Barat bermula dengan kedatangan koloni Jerman dengan tujuan membuat perdagangan serta meluaskan kuasa. Kebanyakan sarjana barat mempunyai pandangan berbeza mengenai kedatangan koloni Barat khususnya di Borneo Utara. Sebagai contoh, kedatangan Gustavos Baron Von Overbeck merupakan permulaan yang menjadikan titik sempadan tradisional di Borneo Utara tentang penjajahan Kuasa Barat. Pada tahun 1865, Konsul Jeneral Moses mengalami masalah Modal dan menjual konsesi kepada Joseph William Torrey iaitu merupakan ketua *American Trading Company (ATC)*. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Momin, beliau telah melantik Torrey sebagai Raja Ambong dan Raja Marudu.[1] Kawasan Torrey adalah terletak di Kimanis sehingga Tempasuk yang dikenali sebagai Koloni Ellena dimana pusat pentadbiran adalah di Muara Kimanis. Namun begitu, kawasan tersebut tidak mendapat sambutan dan hasil keuntungan perdagangan yang tidak memberangsangkan akibat masalah kekurangan modal. Dalam hal ini, Torrey terpaksa pergi ke Hong Kong untuk mencari pemodal baru. Beliu diperkenalkan kepada Gustavos Baron Von Overbeck. Overbeck berminat untuk menyambung konsesi daripada Torrey. Seterusnya, semasa kekuasaan Jerman semakin meluas, Maharaja Jerman iaitu Wilheim I telah membuat hubungan diplomatik dengan Sultan Sulu dengan memberi senjata melalui Mauser.[2] Tambahan pula, Sultan Sulu meminta perlindungan daripada Maharaja Jerman (Wilheim I) serta Bismarck untuk memastikan kawasan Sulu adalah selamat daripada segala ancaman. Di sinilah, titik permulaan Kuasa Jerman yang cuba mencari tanah jajahan di Borneo Utara sehinggalah kedatangan Sepanyol dan British dimana berlakunya perdagangan senjata. Setelah itu, kuasa Jerman hanya menfokuskan di kawasan Papua New Guinea dan tidak lagi cuba menguasai di kawasan Borneo Utara. Manakala kuasa Sepanyol bersaing dengan Kuasa Jerman untuk bertapak di Borneo Utara sehingga membuat perjanjian Protokol Madrid. Pada tahun 1875, kuasa Jerman tidak mendapatkan peluang besar untuk meluaskan empayar di Borneo Utara akibat penubuhan Protokol Madrid.[3] Seterusnya bulan Januari tahun 1875, Overbeck membeli secara langsung pajakan daripada Torrey dengan pergi ke Brunei untuk meminta kurniaan lantikan secara sah. Pada 22 Disember tahun 1877 Overbeck dilantik sebagai Maharajah Sabah

---

[1] M:62/82: C.O 874/20 Lease of North Borneo from Abdul Momin to Moses, Public Record Office: C.O 874/20, Public Record Office Sultan Commission of Torrey as Rajah.

[2] Maksud Mauser https://www.dictionary.com/browse/mauser, sumber diakses 20/11/2019.: Bilcher Bala, Borneo Utara (Sabah): Kewujudan Tuntutan Persempadanan Tradisional dan Penjajahan Kuasa Barat Sebelum tahun 1881, Dalam Kumpulan Kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 59.

[3] M:42/82 Copies Various Treaties to with Great Britain, United States of America, France, German, Spain, Sulu Treaty, F. O 71/81.: Foreign Office 71/81, Public Record Office, Protocol between great Britain, Germany and Spain, signed at Madrid, 7 March, 1885.

dan Rajah Gaya dan Sandakan serta berjaya memperbaharui konsesi baru daripada Sultan Abdul Momin dan Pengiran Temenggung Hashim dari Teluk Kimanis sehingga Sibuku dengan membuat pembayaran sebanyak sebanyak 12,000 dolar dan 3,000 dolar sahaja. Namun begitu, motif utama Overbeck adalah membuat perdagangan komersial secara besar-besaran di Borneo Utara.

## 2.0 Metodologi kajian

Kajian ini menumpukan pendekatan kualititatif dimana kutipan data berasaskan sumber primer dan mentafsir sumber dokumen, akhbar seperti *British North Borneo Herald*, dokumen perjanjian, mikrofilem, jurnal dan bahan fail Arkib Negeri Sabah. Kesemua bahan tersebut terutama bahan arkib telah dikaji dengan menggunakan kod yang tertentu. Sebagai contoh, mikrofilem M:42/82, M:49/82, M:116/82, M:53/82 dan M481/82. Kajian ini juga menggunakan sumber *Foreign Office* yang berbentuk F.O 70/41 dan F.O 71. Kajian di arkib ini telah mengambil masa selama 2 minggu bermula 15 Februari sehingga 1 March 2019. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menggunakan buku yang terdapat daripada Perpustakaan Yayasan Sabah dengan menggunakan koleksi Sabah dan Brunei demi mengukuhkan data kajian ini. Tempoh masa kajian di perpustakaan ini bermula pada 4 March sehingga 8 March 2019. Sumber laman sesawang seperti www.lawnet.sabah.gov.my juga membantu untuk kajian ini. Jurnal terpilih seperti *Sarawak Museum Journal* dan Jurnal Perpustakaan Yayasan Sabah turut digunakan bagi menguatkan hujah kajian ini. Justeru, data dalam kajian kualitatif ini boleh memberi penjelasan terhadap peristiwa berlakunya perjanjian tahun 1877 sehingga 1881 dimana Overbeck dilantik sebagai Maharajah atau pemerintah di Borneo Utara.

## 3.0 Sorotan Literatur

Penulis buku Sejarah Brunei, iaitu Awang Hasbol melalui karyanya Politik Kesultanan Brunei 1804-1906[4] dan Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19[5] merupakan dokumen kajian penting untuk mengetahui kedatangan koloni seperti Overbeck yang diiktiraf sebagai Maharajah Sabah. Buku ini menjelaskan tentang Sultan Abdul Momin telah membuat perundingan dengan Overbeck untuk menyerahkan kawasan Borneo Utara kepadanya. Sultan Abdul Momin telah mengiktiraf Overbeck sebagai Maharajah Sabah mengikut perjanjian pada 29 Disember tahun 1877. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengetahui tentang latarbelakang perubahan sejarah politik di Borneo Utara pada abad ke-19.

Tregonning juga menjelaskan dalam *North Borneo* dan *Under Chartered Company Rule*[6] yang mengaitkan kedatangan Overbeck ke Borneo Utara. Tregonning menyokong dalam kajiannya bahawa Overbeck dikenali sebagai Maharajah Sabah mengikut perjanjian pada 29 Disember tahun 1877. Overbeck disokong oleh Kesultanan Brunei iaitu Sultan Abdul Momin untuk di iktiraf sebagai Maharajah Sabah. Namun, status Overbeck masih dipertikaikan oleh Rajah Charles Brooke Sarawak kerana status kedudukannya Overbeck dikatakan lebih tinggi berbanding Rajah Charles Brooke.

---

[4] Awang Hasbol, *Politik Kesultanan Brunei; 1804-1906*, Brunei Darussalam: Persatuan Sejarah Brunei, 2018.
[5] Awang Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19, Politik Dan Struktur Pentadbiran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam: Brunei Darulsalam. 2011.
[6] Kennedy Gordon Tregonning, *Under Chartered Company Rule*, University of Malaya: Kuala Lumpur, 2007,

Phillip mengatakan dalam The New Maharajahate of Sabak[7] yang juga menyebut Overbeck sebagai Maharajah Sabah. Dalam Kajiannya, Overbeck juga diiktiraf sebagai Maharajah Sabah kerana mengikut perjanjian pada 29 Disember tahun 1877. Hal ini juga mengaitkan status kedudukan Overbeck sebagai Maharajah Sabah dimana, Overbeck dianggap pemerintah baru selain Kesultanan Brunei. Oleh itu, kesemua rakyat pribumi Borneo Utara terpaksa patuh kepada perjanjian pada 29 Disember tahun 1877.

Orlando Henando juga menjelaskan mengenai *The Philippine Claim To North Borneo*.[8] Kejadian di Borneo Utara terutama di pantai timur ada kaitan dengan Kesultanan Sulu yang dibawah pemerintahan Sultan Jamalul Adzam. Sultan Jamalul Adzam juga mengiktiraf Overbeck sebagai Dato Bendahara dan Rajah Sandakan pada 22 Januari tahun 1878. Dengan itu, Kesultanan Sulu juga mengiktiraf Overbeck sebagai pemerintah tertinggi di pantai timur Borneo Utara.

Bukan itu sahaja, Wright menjelaskan dalam catatannya *Historical Notes The North Borneo Dispute*[9] yang merupakan pertikaian wilayah di antara pantai barat dan pantai timur Borneo Utara. Menurut Wright, kedatangan Kuasa Barat seperti Jerman, British dan Sepanyol adalah perebutan untuk menguasai Borneo Utara. Namun begitu, British berjaya menguasai di Borneo Utara dengan cara menggunakan perjanjian tahun 1842 yang merupakan perjanjian persahabatan Brunei dan British. Kedatangan Sepanyol dan Jerman tidak mengiktiraf Overbeck sebagai Mahrajah Sabah tetapi Kesultanan Brunei telah mengiktirafnya. Oleh itu, Borneo Utara telah terbahagi kepada kawasan yang menjadi pertikaian wilayah antara kuasa kuasa Barat.

## 4.0 Pertikaian di Borneo Utara semasa pemerintahan Maharajah Overbeck.

Menurut akhbar *'Straits Times'* yang diterbitkan di Singapura mengenai pertikaian *"Maharajah Sabak"* berlaku pada 12 Disember 1877. Peristiwa ini berlaku apabila seorang pelayar berbangsa Eropah pergi kepulauan Nusantara untuk merantau dan berdagang.[10] Overbeck telah membuat perundingan dengan Sultan Abdul Momin untuk membeli pajakan. Dengan melakukan perjanjian melalui pembelian konsesi perjanjian pajakan, Overbeck telah menguasai kawasan di pantai barat Borneo Utara mengikut perjanjian pada 29 Disember tahun 1877. Manakala beliau melakukan sekali lagi perjanjian dengan Sultan Jamalul Adzam pada 22 Januari tahun 1878. Dengan itu, Overbeck berjaya menguasai keseluruhan Borneo Utara. Sebahagian daripada laporan peristiwa perundingan ini telah diserahkan oleh *American Trading Company* di Borneo Utara. Overbeck diberi mandat oleh Sultan Abdul Momin. Hal ini bermaksud, Overbeck menguasai seluruh Borneo Utara, dari Kimanis hingga ke Teluk Sibuku serta Pulau-pulau seperti Pulau Gaya, Pulau Ambong dan Maludu.[11]

---

[7] Phillip Lutley Scatler, The New Maharajahate of Sabak, Borneo, *The Royal Geographical Society* , United Kingdom, London, Vol. 1, 2 ,Febuari 1879

[8] Orlando Hernando, *The Philippine Claim To North Borneo*, University of the Philippines, 1951

[9] Leigh Wright, Historical Notes The North Borneo Dispute, *The Journal of Asian Studies,* Volume 25, Number 3, 1966,

[10] Phillip Lutley Scatler, The New Maharajahate of Sabak, Borneo, *The Royal Geographical Society* , United Kingdom, London, Vol. 1, 2 ,Febuari 1879, hlm. 121-123.

[11] Awang Hasbol, *Politik Kesultanan Brunei; 1804-1906*, Brunei Darussalam: Persatuan Sejarah Brunei, 2018, hlm.132-134.: M:116/82, M63/2002, Grant of Sultan Brunei of Territory the Sulaman River of Paitan, 29 Disember 1877, C.O 874/54.: Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54.

Selain itu, Overbeck sekali lagi membuat perundingan dengan Sultan Sulu tentang perjanjian pajakan Borneo Utara pada 22 Januari 1878. Dengan itu, Overbeck mula menguasai hak dan kawasan di seluruh pantai timur Borneo Utara. Tambahan pula, perjanjian dengan Sultan Brunei sudah ditandatangani dengan saksi oleh *Gabenor Britannic* dari Labuan serta seorang Konsul Jeneral Borneo. Dengan itu, Overbeck mendapat gelaran Maharajah yang memerintah Borneo Utara yang berkuasa dari kawasan Kimanis sehingga ke Sibuku. Kawasan di Borneo Utara adalah merupakan kawasan pertanian kerana menepati cuaca dan iklim serta dilindungi daripada ribut taufan. Tambahan pula, kawasan Borneo Utara adalah kaya dengan sumber bahan mentah alam semulajadi dan mineral. Lantaran itu, Sultan Brunei (Abdul Momin) telah menyerah kepada Overbeck untuk megurus perniagaan dan diberi gelaran sebagai "Maharajah Sabah" (nama pangkat Overback di Borneo Utara).[12] Manakala Sultan Sulu (Jamalul Adzam) juga memberi gelaran kepada Overbecck sebagai Dato Bendahara dan Rajah Sandakan.[13] Namun Sultan Sulu telah mengumumkan kepada setiap ketua kaum Pribumi asli bahawa kawasan yang telah diserah kepada Overbeck dan kawasan Sulu di pantai timur supaya tidak lagi taat setia kepada "Maharajah Overbeck" kerana berlaku pertikaian pengiktirafan ini.

Pada mulanya kuasa Jerman berminat meluaskan pengaruh di Borneo Utara untuk menubuhkan kepentingan kuasa perlabuhan. Peringkat awal, mereka fokus di Labuan yang diasaskan oleh *Labuan Trading Company*, tetapi disekat oleh Kerajaan British tetapi mereka terpaksa meneruskan juga aktiviti perdagangan. *Labuan Trading Company* cuba mengembangkan perdagangan di bahagian Borneo Utara di mana Sultan Sulu mengatakan kawasan di bahagian utara merupakan kuasa kedaulatan mereka.[14] Motif utama bagi Kesultanan Sulu adalah dipercayai untuk mendapatkan semula kawasan hak kedaulatan dan membebaskan wilayah mereka daripada Kesultanan Brunei. Dengan itu, Joseph William Torrey telah membeli konsesi pajakan daripada Moses untuk dijadikan sebagai bukti utama dalam hak kedaulatan di pantai barat Borneo Utara dalam bentuk pajakan yang sudah diperbaharui selama 10 tahun.[15] Seterusnya, Overbeck tiba di Borneo dan terus memperbaharui perjanjian pajakan bersama dua rakan kongsi yang bernama *Dent Brothers* (saudagar pedagang dari London). Beliau merupakan seorang yang berdiplomasi dan mempunyai beberapa himpunan perdagangan antarabangsa di Madrid Sepanyol. Sebelum ini di mahkamah Brunei Torrey telah

---

http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoryComprisingGayaBayAndSapangarBay.pdf
http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[12]. M:116/82, M63/2002 Comission from Sultan of Brunei Appoiting Gustavos Baron von Overbeck Maharajah of Sabah and Rajah Gaya and Sandakan, 29 Disember tahun 1877,C.O 874/54.: Commision From Sultan of Brunei Appointinng Gustavus Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) and Rajah of Gaya and Sandakan 22 Januari 1878 C.O 874/17.
www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[13]M:116/82 Commission from Sultan Sulu Appointing Baron Von Overbeck Dato Bendahara and Rajah Of Sandakan 22 January C.O 874/22.: How Brunei Lost Northern Province; Commision From Sultan of Brunei Appointinng Gustavus Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) And Rajah of Gaya and Sandakan 22 Januari 1878 C.O 874/17.:
http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfSuluAppointingBaronDeOverbeckDatuBandaharAndRajahOfSandakan.pdf
www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[14] Owen Rutter, *British North Borneo,* Kota Kinabalu: Opus Publication, 2015, hlm. 117.

[15] *Ibid.,* hlm.117.

berjaya dengan cadangannya.[16] Pada 29 Disember 1877, Overbeck dilantik sebagai pengganti Maharajah Torrey mengikut geran perjanjian secara berdaulat dengan membayar sebanyak 3000 dolar setiap tahun. Walau bagaimanapun, pembayaran ini dilakukan sepenuhnya kerana Belanda dan Sepanyol cuba memprovokasi dan mempertikaikan bayaran hanya sebanyak 2,000 dolar sahaja dimana tujuannya adalah untuk menghentikan perundingan tersebut semata-mata.[17]

Seterusnya, kawasan perjanjian pajakan bermula dari Kimanis sehingga ke Teluk Sibuku serta semua pulau terutama di kawasan persisiran pantai Borneo Utara.[18] Manakala kawasan Pengiran Temenggong Hashim juga dipajak di Kimanis dan Benoni yang akhirnya juga diserahkan kepada Overbeck. Kawasannya merupakan wilayah Tulin tetapi dibayar sebanyak 1,300 dolar setahun. Oleh itu, sebahagian daripada wilayah kepemilikan Kesultanan Brunei telah mengiktiraf bahawa kawasan yang dipajakkan adalah kini dibawah biang kuasa Overbeck dengan syarat Overbeck mestilah membayar pajakan setiap tahun.[19] Overbeck mendapat jumlah kawasan yang luas iaitu 18,000 batu persegi serta kawasan persisiran pantai 500 batu persegi.[20] Walau bagaimanapun, didapati hasil pungutan pajak itu kurang memuaskan disebabkan Sultan Abdul Momin sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk melakukan penyerahan wilayah kepada Overbeck dan beliau terdesak untuk mendapat duit pajakan akibat kalah judi.[21] Mengikut perjanjian asal pada 1847 British dan Brunei telah membuat perjanjian persahabatan. Oleh itu, sebarang kedatangan Kuasa Barat, perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan pemerintahan British (Ratu). Hal ini jelas Overbeck merupakan koloni berasal dari Austria dan terpaksa akur perjanjian tahun 1847. Dengan itu, Overbeck tidak dapat patuh dengan perjanjian 29 Disember 1877 disebabkan kekangan pendapatan yang jauh daripada dijangka.[22]

Tindakan British menghapuskan lanun secara perlahan-lahan di sepanjang kawasan persisiran pantai telah mengakibatkan kemusnahan kuasa Kesultanan Brunei dan British tidak menjamin Sarawak kepada Brooke dan pengganti seterusnya. Tambahan pula, British membuka peluang kepada orang lain yang melihat potensi dominan Sultan Brunei mencuri perhatian seorang pengembara. Antara yang melihat potensi yang besar di wilayah Borneo Utara ialah Claude Lee Moses. Beliau datang ke Brunei pada tahun 1865 sebagai konsul Amerika. Moses digambarkan seorang lelaki yang tamak serta melarikan diri dari masalah. Sultan Brunei memberi kontrak selama 10 tahun di Borneo Utara. Namun, Moses melarikan diri ke Hong Kong dan menjual hak pajakannya kepada Torrey dan Thomas B. Harris. Pada awal tahun 1870, Overbeck telah membuat perjanjian hak konsesi pada 29 Disember 1877. Dengan bantuan daripada Dent Brothers, Overbeck telah membeli semua hak yang dimiliki

---

[16] John Dill Ross, *60 Years Travel andAdventure In Far East; Vol I*, E. P Dutton & Company: New York, 1911, hlm. 169.
[17] Owen Rutter, *British North Borneo, op.cit.*, hlm. 120.
[18] M:116/82, M63/2002, Grant by Pengeran Temenggong Hashim of Brunei of Provinces of Kimanis and Benoni, 29 Disember, tahun 1877, C.O 874/54.
[19] M:116/82, M63/2002, Grant by Pengeran Temenggong Hashim of Brunei of Provinces of Kimanis and Benoni, 29 Disember, tahun 1877, C.O 874/54.
[20] Owen Rutter, *British North Borneo, op.cit.*, hlm. 120.
[21]Awang Hasbol, *Politik Kesultanan Brunei; 1804-1906*, Persatuan Sejarah Brunei: Brunei Darussalam, 2018, hlm.131-133.: Awang Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19, Politik Dan Struktur Pentadbiran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam: Brunei Darulsalam. 2011, hlm. 146.: M:116/82, M63/2002, Grant by Pengeran Temenggong Hashim of Brunei of Provinces of Kimanis and Benoni, 29 Disember, tahun 1877, C.O 874/54.
[22]Awang Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19, Politik Dan Struktur Pentadbiran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam: Brunei Darulsalam. 2011, hlm. 120.

oleh Torrey American Trading Company dengan syarat tempoh 9 bulan pembaharuan pajakan yang boleh diperolehi dengan harga $ 15,000 dolar . Overbeck dan Torrey berangkat ke Brunei dimana mereka tidak berjaya dengan pewaris Sultan, Pengiran Temenggong Hashim. Namun Sultan Abdul Momin tetap meneruskan perjanjian dengan Overbeck. Pada masa yang sama Overbeck berusaha mendapatkan dana untuk meneruskan perniagaan di Borneo Utara. Seterusnya Alfred Dent (Dent Brothers) bersetuju untuk menjadi rakan kongsi kepada Overbeck.

Lantaran itu, Sultan Abdul Momin menyerahkan segala hak konsesi pajakan kepada Overbeck. Semua kawasan di Borneo Utara yang telah dipersetujui adalah wilayah asal mereka diserahkan kepada Overbeck. Namun begitu, Kesultanan Sulu tidak bersetuju kerana mempunyai alasan kukuh yang melibatkan peristiwa Perang Pulau Chermin.[23] Sultan Sulu menyerahkan sebahagian kawasan pantai timur Borneo Utara Kepada Overbeck disebabkan Perang Pulau Chermin. Overbeck terpaksa membuat perjanjian dengan kedua-dua pihak untuk mengesahkan perjanjian pajakan dan bayaran wang pajakan diteruskan. Oleh itu, Overbeck menulis sepucuk surat untuk mengukuhkan perjanjian lalu menghantar ke mahkamah antarabangsa. Sebagai kuasa Maharajah, Overbeck berhak memerintah Borneo Utara kerana mempunyai kuasa tertinggi dari semua aspek seperti, undang-undang, cukai, kastam, kuasa rakyat dan wang tersendiri. Pada masa yang sama, Overbeck mempunyai seorang Konsul Jeneral British di Borneo iaitu Treacher lebih cenderung mengikut projek Overbeck. Dengan itu, Sultan Abdul Momin melantik seorang pegawai penasihat. Pegawai Penasihat Sultan Brunei telah berkumpul dengan semua para pentadbir wialayah dan mengisytiharkan bahawa mereka akan mematuhi pemerintah yang baru iaitu Overbeck.

Sultan Abdul Momin mengiktiraf Overbeck sebagai "Maharajah Sabah". Dengan penerimaan gelaran "Maharajah" ia juga dikenali sebagai Ketua Borneo Utara. Pada masa yang sama Overbeck juga di kenali sebagai Rajah of Gayah dan Sandakan dan Dato Bendahara.[24] Segala pentadbiran selama 6 bulan adalah mengikut persetujuan perjanjian penyerahan. Segala kekuasaan adalah milik Overbeck, namun kuasa Sepanyol dipihak yang lain tidak berhak campur tangan. Kerajaan Sepanyol memaklumkan kepada Overbeck dan Sultan Abdul Momin perlu membatalkan sebarang perjanjian pajakan kerana kuasa kedaulatan sudah ditandatangani dengan Kesultanan Sulu. Walau bagaimanapun, Overbeck meneruskan perundingan dengan Ketua Jeneral Filipina. Pekara ini telah disedari bahawa segala pemilikan haruslah mematuhi undang-undang perjanjian sebelum ini. Tindakan Overbeck yang bijak memperdayakan Sultan Abdul Momin. Overbeck terpaksa kembali dengan perjanjian pajakan yang telah ditetapkan. Disebabkan kekurangan modal Overbeck cuba meminta peruntukan tajaan daripada Birsmarck. Namun begitu, segala perundingan tidak menjadi akibat kuasa Jerman tidak mengiktirafkan Overbeck. Tambahan pula, Kerajaan Jerman tidak mempertimbangkan segala cadangan Overbek untuk meneruskan aktiviti perniagaan. Dengan itu, Overbeck terpaksa menjual saham

---

[23]Awang Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemahsyuran;* Pusat Sejarah Brunei: Brunei Darussalam, 1997,hlm. 193.: Awang Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19, Politik Dan Struktur Pentadbiran,* Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam; Brunei Darulsalam, 2011, hlm. 6-7.

[24]. M:116/82, M63/2002 Comission from Sultan of Brunei Appoiting Gustavos Baron von Overbeck Maharajah of Sabah and Rajah Gaya and Sandakan, 29 Disember tahun 1877,C.O 874/54.: Commision From Sultan of Brunei Appointinng Gustavus Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) AndRajah of Gaya andSandakan 22 Januari 1878 C.O 874/17.: www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

dan haknya kepada *Dent Brothers.*[25] Mereka merupakan pengasas kepada penubuhan Syarikat Borneo Utara British. Setelah pajakan Torrey disambung semula oleh Overbeck, Cowie telah berusaha untuk membuat perundingan dengan Sultan Sulu sehingga berjaya. Rentetan daripada peristiwa itu, Overbeck terpaksa meninggalkan impiannya untuk menjadi "Maharajah" dan akhirnya beliau berpindah ke Amerika Syarikat.[26]

## 5.0 Pengaruh Kesultanan Sulu di Borneo Utara

Pada masa yang sama, kuasa Sepanyol berjaya menakluk Kepulauan Sulu. William Clark Cowie, mengeluarkan wang untuk mempertahankan benteng wilayahnya dan menyekat kuasa Sepanyol di kepulauan Jolo. Motif utama kuasa Sepanyol adalah menyebarkan agama Kristian Katolik. Kepulauan Sulu dijadikan kawasan sasaran utama disebabkan majoriti penduduknya beragama Islam. Bukan itu sahaja, kuasa Sepanyol melakukan perdagangan senjata di Kepulauan Sulu pada awalnya. Kuasa Sepanyol juga menguasai di pantai timur Borneo Utara terutamanya Sandakan. Dengan itu, William Clark Cowie enggan membuat urusan dengan kuasa Sepanyol terutama mengenai hal perdagangan. Kuasa Sepanyol memberitahu kepada pedagang bahawa wilayah di pantai timur Borneo Utara merupakan kawasan dibawah pemerintahan Kesultanan Sulu. Tambahan pula, kedatangan kuasa Jerman di Borneo Utara yang telah berlabuh dalam kawasan pemerintahan Kesultanan Sulu. Overbeck berangkat ke Kepulauan Jolo pada 22 Januari 1878, beliau membuat kesepakatan dengan Sultan Sulu. Sultan Sulu memberikan konsesi Overbeck di North Borneo sebagai pertimbangan pajakan tahunan sebanyak $ 5,000.[27]

Selain daripada itu, William Hood Treacher memberitahu kepada Overbeck bahawa Sultan Sulu mempunyai hak asal ke atas Borneo Utara. Walau bagaimanapun, perjanjian ini hanya melibatkan Syarikat Inggeris Hindia Timur dengan Sultan Alimuddin pada 2 Julai 1764 dengan Dalrymple.[28] Mengikut perjanjian *Dalrymple Third Treaty* pada 28 September 1764 kawasan Borneo Utara telah diserahkan kepada Syarikat Hindia Inggeris Timur terutama di bahagian utara seperti Pulau Balabak, Pulau Banggi, Pulau Labuan dan Pulau Palawan. Kejadian ini cuba mengelakkan sebarang konflik, Overbeck memutuskan untuk berjumpa dengan Sultan Muhammad Jamalul Adzam.[29] Beliau pergi ke kawasan Meimbong yang terletak di kawasan Sulu dan berjaya menandatangani perjanjian pada 22 Januari 1878. Mengikut perjanjian tersebut, Sultan Sulu telah bersetuju untuk menyerahkan kesemua kawasan kepada Overbeck daripada kawasan Teluk Sibuku sehingga Pandasan di Borneo Utara dimana akhir dilantik sebagai Dato Bendahara dan Rajah Sandakan.[30] Kesultanan Sulu campur tangan dalam perebutan wilayah Borneo Utara ini adalah dengan motif untuk merampas kawasan di pantai timur Borneo Utara. Namun begitu, Overbeck mendapati bahawa hal sebenar mengenai campur

---

[25] M:116/82, Public Record Office, Letter From Baron Overbeck to Sultan Resigning his titles in Favour of Alfred Dent andsimilar Resigning His Title, C.O 874.

[26] M:116/82, Public Record Office, Letter From Baron Overbeck to Sultan Resigning His Titles In Favour Of Alfred Dent AndSimilar Resigning His Title, C.O 874.

[27] Grant By Sultan Of Sulu Of Territories andLands On The MainlandOf The IslandOf Borneo, pada 22 January 1878, C.O 874/22.: Kennedy Gordon Tregonning, The Philippine Claim To Sabah, Malaysia Branch Royal Asiatic. Vol 43 , 1970, hlm 14.

[28]M:53/82, Public Record Office, *English India Company*. F.O 71/1

[29] Colonial Office, Public Record Office, Comission from Sultan of Sulu Appointing Baron Von Overbeck Dato Bendahara and Rajah of Sandakan. C.O 874/22.

[30] Colonial Office, Public Record Office, Comission from Sultan of Sulu Appointing Baron Von Overbeck Dato Bendahara andRajah of Sandakan. C.O 874/22.

tangan Sultan Sulu adalah ingin berkuasa di pantai timur Borneo Utara. Hasilnya, Kesultanan Sulu muncul sebagai posisi di bawah *De Facto* dan *De Jure*.[31]

Selain itu, setiap kawasan kampung persisiran pantai di pantai timur Borneo Utara adalah majoriti etnik *Tausug* (orang Suluk). Aktiviti utama di kawasan ini adalah perlanunan dan meperdagangkan hamba. Menurut Tregonning di kawasan pantai timur sebenarnya tidak wujud sempadan bagi etnik Tausug kerana mereka dianggap sebagai penduduk tetap di kawasan ini.[32] Dengan itu, masing-masing mempertikaikan untuk mendapatkan wang dari duit konsesi pajakan daripada Overbeck. Kesultanan Sulu menuntut dengan cara untuk mengakui bahawa di kawasan pantai timur adalah kawasan asal mereka. Overbeck meminta nasihat daripada William Hood Treacher untuk membuat dan menjaga dokumen perjanjian dengan Kesultanan Sulu untuk dijadikan sebagai bukti utama. Manakala dokumen daripada Kesultanan Brunei juga dinyatakan untuk memastikan kawasan di pantai barat Borneo Utara adalah kawasan Kesultanan Brunei. Walaupun begitu Kesultanan Sulu tidak mempunyai kepastian terhadap kawasan hak kedaulatan mereka sebenar. Kesultanan Sulu mempunyai hak kuasa terhadap kawasan pantai timur dengan merujuk perjanjian tahun 1878 sebagai alasan untuk mendapatkan kuasa kedaulatan. Walau bagaimanapun, Overbeck tetap berkuasa ke atas Borneo Utara dengan mendapat persetujuan daripada Kesultanan Brunei dan Sulu atas perjanjian tahun 1877 dan 1878.[33] Akhir sekali, pada 22 Januari 1878 Kesultanan Sulu meminta bayaran sebanyak 5,000 dolar dengan kesemua kawasan di Borneo Utara. Overbeck meminta kepastian daripada Kesultanan Brunei untuk memastikan hal ini benar. Sultan Jamalul Adzam melantik Overbeck sebagai kuasa pemerintah tertinggi di kawasan Borneo Utara mengikut perjanjian 22 Januari tahun 1878.[34] Antara kawasan yang Overbeck berkuasa adalah daripada Teluk Sibuku dan Balik Papan mengikut kawasan Sultan Sulu. Persempadanan diharapkan tidak mewujudkan pula persengketaan dengan kuasa Kerajaan Belanda. Oleh itu, William Hood Treacher juga menulis laporan kepada Kerajaan British tentang perjanjian pajakan di antara Overbeck dengan Kesultanan Brunei untuk dijadikan sebagai bukti utama.[35]

## 6.0 Sultan Abdul Momin

Pada 2 Mei 1866 kawasan Kimanis dan Benoni yang diketuai oleh Charles Lee Moses tidak mendapat sambutan sebagai kawasan perniagaan serta tidak mempunyai modal menyebabkan beliau terpaksa memindahkan hak konsesi kepada Joseph Torrey. Beliau merupakan Ketua *American Trading Borneo* sehingga tamat kontrak pajakan pada tahun 1875. Kontrak pajakan itu telah berpindah kepada Overbeck dan Alfred Dent. Pada 29 Disember 1877 Sultan Abdul

---

[31]Kennedy Gordon Tregonning, The Philippine Claim To Sabah, *Malaysia Branch Royal Asiatic Society*. Vol 43 , 1970, Hlm .163.

[32] Kennedy Gordon Tregonning, The Philippine Claim To Sabah, *Ibid*., hlm. 163.

[33] Kennedy Gordon Tregonning, The Philippine Claim To Sabah, *Ibid.*, hlm 163

[34] M:116/82, M63/2002 Comission from Sultan of Brunei Appoiting Gustavos Baron von Overbeck Maharajah of Sabah andRajah Gaya andSandakan, 29 Disember tahun 1877,C.O 874/54.: Commision From Sultan of Brunei Appointinng Gustavus Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) AndRajah of Gaya andSandakan 22 Januari 1878 C.O 874/17.: Comission from Sultan of Sulu Appointing Baron Von Overbeck Dato Bendahara andRajah of Sandakan, C.O 874/22.
http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfSuluAppointingBaronDeOverbeckDatuBandaharAndRajahOfSandakan.pdf
www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[35] M:481/82 Public Record Office, Treacher Report Despatches Office and Individual 30 January 1878 C.O 144.

Momin sekali lagi membuat perjanjian baru untuk memajak di kawasan Borneo Utara.[36] Akan tetapi, Sultan Abdul Momin menerima pembayaran sebanyak 6,000 setahun untuk wilayah jajahan Brunei di Borneo Utara. Sekali lagi, Sultan Abdul Momin memajak kawasan Pulau seperti Pulau Gaya, Tanjung Lutut, Tanjung Gaya, Pulau Sepanggar dan Pulau Kecil.[37] Kesemua Pulau tersebut dibayar sebanyak 4,000 setahun kepada Sultan Abdul Momin.

Sebelum kedatangan Syarikat Borneo Utara British, tahun 1877, Alfred Dent cuba mencari jalan untuk meluaskan wilayah di kawasan Borneo Utara dengan cara membuat perundingan dan perjanjian pajakan di antara Overbeck dengan Sultan Abdul Momin serta Pengiran Temenggung Hashim. Perjanjian ini hanya setakat penyerahan hak wilayah dan kedaulatan mengenai wilayah Jajahan Tulin dan Kuripan yang dimiliki oleh golongan Pengiran kerabat diraja Brunei. Namun begitu, semua wilayah jajahan Brunei tersebut bukan dimiliki mutlak oleh golongan Pengiran Kerabat diraja Brunei tersebut. Sebagai contoh kawasan wilayah Jajahan Tulin, Tuaran, Menggatal, Pengalat, Putatan, Inanam, Benoni, Papar, Kimanis, Kinatongan, Bondu, Kuala Lama, Abai, Tampasuk, Ambong, Sulaman dan termasuk beberapa Pulau.[38]. Menurut William Hood Tracher, mengenai kawasan Benoni dan Kimanis adalah dimiliki oleh Pengiran Temenggung Hashim dan kawasan Gaya, Sepanggar, Paitan dan Sulaman adalah milik Tulin ialah Sultan Abdul Momin.[39] Tambahan pula, tahun 1879 William Hood Treacher sudah menumpukan beberapa kawasan Tulin seperti Bongawan, Papar, Padas, Klias Menumbok, Kuala Penyu dan Membakut untuk dijadikan sebagai kawasan pajakan utama untuk masa hadapan.

Selain itu, apabila empayar Sarawak semakin meluas, Sultan Abdul Momin menggunakan kawasan Sabah untuk menyekat kemaraan Kerajaan Brooke. Semasa situasi ini, baginda menghadapi masalah kewangan akibat kalah judi.[40] Dengan itu, Sultan Abdul Momin

---

[36] M:116/82, M63/2002, Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O874/54: http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoryComprisingGayaBayAndSapangarBay.pdf, sumber diakses 20/11/2019,

[37] M:116/82, M63/2002, Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoryComprisingGayaBayAndSapangarBay.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[38] M:116/82, M63/2002, Grant By Pengeran Temenggong Hashim Of Brunei Of Provinces Of Kimanis AndBenoni, 29 Disember, Tahun 1877, C.O 874/54.;M: 116/82, Public Record Office, Letter From Baron Overbeck To Sultan Resigning His Titles In Favour Of Alfred Dent AndSimilar Resigning His Title, C.O 874; M:116/82, M63/2002, Grant Of Sultan Brunei Of Territory The Sulaman River Of Paitan, 29 Disember 1877, C.O 874/54; M:116/82, M63/2002, Grant By Sultan Brunei Of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: Awang Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19, Politik Dan Struktur Pentadbiran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam; Brunei Darulsalam, 2011, hlm. 253.

[39] http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoryComprisingGayaBayAndSapangarBay.pdf
http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.
M:116/82, M63/2002, Grant of Sultan Brunei of Territory the Sulaman River of Paitan, 29 Disember 1877, C.O 874/54: M:116/82, M63/2002, Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay andSepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: William Hood Treacher, The Skethches Brunei, Sarawak and North Borneo, *Journal Malaysia Branch Royal Asiatic Society*, 1860, hlm.98-99..

[40] Awang Hasbol, *Politik Kesultanan Brunei, 1804-1906*, Persatuan Sejarah Brunei: Brunei Darussalam, 2018, hlm. 132.

menyerahkan dan memajakan Wilayah Jajahan Brunei terutama di kawasan Sabah kepada Overbeck untuk menyekatkan kemaraan Kuasa Brooke di Sabah. Tambahan pula, Brooke berasa tidak puas hati kerana sebarang perundingan dengan Sultan Abdul Momin tidak dimaklumkan secara rasmi kepada beliau. Lebih-lebih lagi, Sultan Abdul Momin memikirkan bahawa tindakan ini dapat mengurangkan pengaruh Kerajaan Brooke di Sarawak yang semakin agresif. Pada 11 Ogos 1865, Sultan Brunei yang memerintah pada masa iaitu Sultan Abdul Momin. Baginda memajak kawasan Borneo Utara Sulaman sehingga Paitan. Pada mula diserahkan kepada Charles Lee Moses yang merupakan seorang Konsul Amerika Syarikat dengan membuat pembayaran sebanyak 4,500 Dolar.[41]

Namun, tindakan Sultan Abdul Momin menyerahkan wilayah Brunei di bahagai pantai barat Borneo Utara tidak menyelesaikan masalah. Lebih-lebih lagi, kawasannya semakin mengecil dan sebarang penyerahan kawasan Tulin, tanpa pemberitahuan kepada keluarga kerabat diraja Brunei.[42] Mengikut saiz kawasan Brunei secara langsung semakin kecil serta hasil kutipan cukai dan perdagangan semakin merosot. Salah satu cara untuk meningkatkan hasil kutipan yang banyak adalah dengan meninggikan hasil cukai bagi yang masih dalam kawasan Brunei. Hasil tindakan ini menyusahkan rakyat Brunei lalu mereka berhijrah ke Borneo Utara semasa dibawah pemerintahan SBUB. Oleh itu, Kesultanan Brunei mengalami kejatuhan pada akhir abad ke-19.

Tajuk: Kawasan Pantai Barat Borneo Utara




Sumber: Ranjit Singh, The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indegeniuos Society, Kota Kinabalu, Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar, 2011. Hlm. 64.

[41]M:42/82, Brunei Grant of North Borneo to Moses, C.O 874/54.: Harry George Keith, The United states Consul andThe Yankee Raja, *Monograph the Brunei Museum Journal*, No.4 1980, hlm. 209-210.

[42] Peter Leys Observation in the Burnei Political System 1883-1885, *Malaysia Branch Royal Asiatic Society*, hlm. 119.

Tajuk: Perluasan empayar Overbeck mengikut Perjanjian 29 Disember Tahun 1877 di Borneo Utara




Sumber**:** *Lands Ceded to the British North Borneo Company. Drawn form the Admiralty Charts and Report of The Company Own Surveyors; The Sarawak & Brunei Drawn from Mr. Crocker map in R.G.S Proceeding April 1881.*

## 7.0 Pertikaian Dinasti Brooke dan Syarikat Borneo Utara British.

Pada awalya, James Brooke berniat untuk menguasai Borneo Utara sebelum kuasa Eropah lain bertindak. Pada abad ke-19, kedatangan kuasa Eropah seperti Overbeck, *Dent Brothers* dan SBUB telah berjaya untuk menetap di Borneo Utara. Kesemua percubaan oleh James Brooke gagal untuk menguasai Borneo Utara.[43] Charles Brooke di Sarawak tidak berpuas hati dengan Overbeck yang diiktiraf oleh Sultan Brunei dengan memberi gelaran Maharajah. Sebenarnya, Charles Brooke juga mendapat ancaman saingan daripada Syarikat Borneo Utara British yang datang dan bertapak ke Borneo Utara. Dengan itu, Charles Brooke cemburu kerana Overbeck mendapat gelaran daripada Sultan Brunei dengan kurniaan Maharajah. Pertakrifan "Maharajah" merupakan gelaran yang lebih tinggi berbanding "Rajah". Manakala di Sarawak yang dikuasai oleh Keluarga Dinasti Brooke yang merupakan *De Facto.* [44] Tujuan Dinasti Brooke adalah untuk mendapatkan kurniaan *Queen Ceremonial Award* dari British. Menurut Colin Crisswell, pihak Syarikat Borneo Utara British membuat satu bantahan terhadap Overbeck yang

[43] Orlando Hernando, *The Philippine Claim To North Borneo, op.cit.*, 1951. Hlm .13.
[44]D.E. Brown's, Structure and History of a Bornean Malay Sultanate, *Monograph of the Brunei Museum Journal*, ,1970,hlm. 153.: P.J Rivers, The Origin Of 'Sabah' AndA Reappraisal of Overbeck as Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77, 2004, hlm. 13.

sepatutnya tidak mendapatkan gelaran dan iktiraf Maharajah daripada Sultan Brunei, tetapi mesti minta izin dariada *Queen Elizabeth* yang merupakan kuasa utama di Borneo Utara. Dengan itu, sebelum kedatangan SBUB, Overbeck telah membuat perjanjian dengan Sultan Brunei untuk mendapatkan kurniaan sebagai Maharajah mengikut tahun pajakan yang diberikan oleh Sultan Abdul Momin. Hal ini dibantah oleh Brooke.[45] Mengikut Tregonning Dinasti Brooke tidak berpuas hati terhadap Overbeck yang sepatutnya tidak mendapatkan gelaran Maharajah.[46] Gelaran ini menunjukkan status dan kekuasaan Overbeck di kawasan Borneo Utara adalah lebih tinggi berbanding Dinasti Brooke, Tambahan pula, Treggonning menjelaskan bahawa Torrey yang pernah dilantik sebagai Rajah Ambong dan Marudu yang merupakan pemerintahan terawal di Borneo Utara tidak diangkat sebagai pemerintah rasmi di Borneo Utara atau Maharajah. Justeru, Overbeck yang mendapat kurnia "Rajah" iaitu merangkap *Supreme Ruler* dan dipilih sebagai "Maharajah Sabah" dianggap oleh Brooke sebagai suatu yang berlebihan.[47]

Pada 22 Januari 1878 Sultan Sulu juga menyerahkan kawasan pantai timur Borneo Utara kepada Overbeck dengan memberi gelaran Rajah of Sandakan dan Dato Bendahara merupakan "*Independent Ruler*" dan "*Supreme Ruler*".[48] Mengikut tafsiran, gelaran "*Independent Ruler*" dan "*Supreme Ruler*" mempunyai persamaan makna iaitu "Maharajah" iaitu pengurniaan gelaran daripada Sultan Brunei. Walau bagaimanapun, SBUB meragui sumber perjanjian wakil mereka dengan Sultan Sulu yang diberi gelaran Maharaja Sabah[49]. Menurut Treacher, Overbeck mendapat Proklamasi daripada Sultan Sulu dikenali sebagai "*Supreme Ruler*" yang menguasai seluruh Sabah ( Borneo Utara).[50] Sebaliknya, tafsiran Treacher ini mengikut Tarling dikira berat sebelah kerana semua perjanjian pada tahun 1881 sehingga 1887 adalah tidak menetapkan untuk mendapatkan kawasan di seluruh Borneo Utara. Tarling menjelaskan tafsiran perjanjian bahasa Melayu dari sudut Kesultanan Brunei. Perkataan Pajak selalu digunakan adalah hal berkaitan melakukan aktiviti ekonomi seperti pertanian tetapi akan

---

[45] M:116/82, M63/2002 Comission from Sultan of Brunei Appoiting Gustavos Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah andRajah Gaya andSandakan, 29 Disember tahun 1877,C.O 874/54.: Colin Crisswell, *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveyed*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 157-158.: P. J. Rivers, The Origin Of 'Sabah' AndA Reappraisal Of Overbeck As Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77, 2004, hlm. 13.: www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[46] Kennedy Gordon Tregonning, *Under Chartered Company Rule*, University of Malaya: Kuala Lumpur, 2007, hlm. 293-294.

[47] M:116/82, M63/2002 Comission from Sultan of Brunei Appoiting Gustavos Baron von Overbeck Maharajah of Sabah andRajah Gaya andSandakan, 29 Disember tahun 1877,C.O 874/54.: www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf , sumber diakses 20/11/2019.

[48] M:116/82, M63/2002 Commision From Sultan of Brunei Appointinng Gustavus Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) AndRajah of Gaya andSandakan 22 Januari 1878 C.O 874/17.: www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[49] M:116/82, M63/2002 Commision From Sultan of Brunei Appointinng Gustavus Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) AndRajah of Gaya andSandakan 22 Januari 1878 C.O 874/17.: www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[50] P. J. Rivers, The Origin Of 'Sabah' and A Reappraisal Of Overbeck as Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77, 2004, hlm. 14.

dikembalikan kepada Sultan Brunei apabila tempoh pajakan tamat. Ini bebeza dengan perkataan "serah" *(leases)*.[51] Tarling menjelaskan petikan di bawah mengenai Maharajah iaitu

> *"Perkataan Maharajah yang digunakan oleh Overbeck bukanlah ketua pemerintah secara mutlak tetapi hanyalah setakat nama sahaja. Dalam perjanjian 29 Disember tahun 1877 [Sultan Brunei] hanyalah memajak di kawasan Borneo Utara untuk bertujuan kepentingan ekonomi. Bagi masyarakat Brunei dan Sulu di sekitar Borneo Utara pula tidak mengaku dan Overbeck bukanlah pemerintah secara mutlak dan rasmi".*[52]

Oleh itu petikan di atas menunjukkan bahawa Maharajah hanyalah gelaran kurnia daripada Sultan Brunei dan Sulu mengikut perjanjian ditetapkan. Akan tetapi, gelaran tersebut tidak boleh diwarisi secara turun temurun mengikut dalam perjanjian. Menurut Tarling (1980), Maharajah Overbeck bukanlah mendapat gelaran seorang raja semata-mata, seperti yang difikirkan golongan bangsawan, tetapi adalah 'Maharajah' atas nama perjanjian pajakan yang merupakan perniagaan secara persendirian serta membayar cukai pertanian di seluruh 'Sabah' (Borneo Utara). Walaubagaimanapun, perkataan Sabah (Borneo Utara) yang dimaksudkan adalah mengikut tafsiran era pemerintahan Kesultanan Brunei dan Sulu. Tambahan pula, Overbeck yang memerintah di kawasan Borneo Utara masih perlu membayar hasil kepada Sultan Brunei dan Sulu. SBUB juga menjelaskan bahawa Overbeck hanyalah berkuasa atas nama pajakan mengikut geografi sekeliling. Hal ini sama kes di Australia yang dikenali sebagai *"Outback"*.[53] Motif Overbeck sebenarnya untuk memajak tanah di kawasan Borneo Utara adalah untuk membuat perniagaan dan pertanian tetapi bukan untuk memerintah untuk pembangunan sosio-ekonomi.[54] Oleh itu, Sultan Brunei dan Sulu lebih mengutamakan wang pajakan dan memberikan gelaran Maharajah secara tidak rasmi sebagai *"King of the Outback"*. Oleh itu, pihak Kolonial British menyatakan bahawa Overbeck adalah individu yang melakukan pengembaraan dan berniaga semata-mata dengan dirinya digelar "Maharajah of Sabah".[55]

Menurut Pretyman, gelaran "Maharajah" yang diperolehi oleh Overback telah dimaklumkan kepada ketua kaum pribumi di (Sabah) mengikut perjanjian serta mandat oleh Sultan Brunei. Pretyman menyokong perjanjian terseut kerana wilayah Sabah itu merujuk kepada' Borneo Utara'[56], Pada 10 Januari tahun 1880 Overbeck kembali ke England dan menceritakan pengalaman di Sabah (Borneo Utara)'. Pretyman juga menasihati ketua orang asal

---

[51] P. J.. Rivers, The Origin Of 'Sabah' and Reappraisal Of Overbeck As Maharajah, *Ibid.*, hlm. 14.
[52] Nicholas Tarling, *Sulu and Sabah*, London:Oxford University, 1980, hlm. 198.: P.J Rivers, The Origin Of 'Sabah' and A Reappraisal Of Overbeck As Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77, 2004, hlm. 14.
[53] Maksud "*Outback"* bermaksud orang asing dan sebutan loghat daripada Australia seperti slang: https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/outback, sumber diakses, 20/11/2019.
[54] P. J. Rivers, The Origin Of 'Sabah' and A Reappraisal Of Overbeck as Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77**,** 2004, hlm. 14.
[55] M:116/82, M63/2002 Comission from Sultan of Brunei Appoiting Gustavos Baron Von Overbeck Maharajah of Sabah and Rajah Gaya and Sandakan, 29 Disember tahun 1877,C.O 874/54.: P.J. Rivers, The Origin Of 'Sabah' AndA Reappraisal Of Overbeck as Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77, 2004, hlm. 14.
www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf , sumber diakses 20/11/2019.
[56]The Diary of William Prettyman, 15 August 1878, *Sarawak Museum Journal*, Vol.7, 1956, hlm. 379.

Pribumi bahawa 'Sultan Brunei telah memindahkan haknya kepada Maharajah Sabah'.[57] Dari satu aspek lain pula, orang Sepanyol yang berpengaruh di sebelah pantai timur Borneo Utara sepatutnya diberitahu tentang perjanjian yang telah dimeterai ini. Namun, menurut Treacher, Overbeck tidak memaklumkan secara langsung kepada ketua pribumi di Sandakan, Teluk Marudu, dan Pulau Gaya bahawa Sepanyol bertapak di kawasan pantai timur Borneo Utara.[58] Walau bagaimanapun, Pretyman dan ketua Pribumi asli menerima Overbeck sebagai Maharajah Sabah yang telah diberi mandat oleh Sultan Brunei. Akhirnya, Overbeck pergi ke Brunei untuk berjumpa kepada Sultan Brunei untuk memindahkan segala hak konsesi pajakan untuk disambung oleh Dent. Namun, semua gelaran dan hak kedudukan sebagai Maharajah telah dihapuskan selepas itu. Tujuan Alfred Dent adalah untuk menubuhkan sebuah syarikat yang berbentuk pemerintahan Syarikat. Akhirnya Dent melepaskan pajakan mereka semua kepada Syarikat Borneo Utara British yang tindakan ini disokong oleh *Queen Elizabeth* dan seterusnya menubuhkan Syarikat Borneo Utara British.[59]

## 8.0 Kedatangan Kuasa Sepanyol di Borneo Utara

Pada tahun 1878 Overbeck-Dent menghadapi masalah pengaruh kuasa Sepanyol yang memprtikai hak wilayah Sulu di pantai timur Borneo Utara. Antara alasan utama bagi kerajaan Sepanyol adalah British tidak pernah mengiktiraf perjanjian 22 Julai 1878 antara Kesultanan Sulu dan kerajaan Sepanyol.[60] Penafian ini timbul kerana mengikut Overbeck-Dent, mereka telah membuat perjanjian lebih awal dengan Kesultanan Brunei berbanding kedatangan dan perjanjian Sepanyol-Sulu. [61]

Sepanyol bertegas untuk memohon petisyen terhadap perjanjian Borneo Utara sebagai pusat pembentukan negara baru. Wright turut menjelaskan Kesultanan Sulu cuba menulis sepucuk surat kepada Overbeck untuk membatalkan perjanjian disebabkan, Sepanyol merampaskan kawasan Sulu.[62] Surat daripada Kesultanan Sulu dalam bahasa Sulu menyatakan hal ini tetapi Overbeck tidak mengendahkan surat itu kerana mengangganya tidak sah. Namun, Sultan Jamalul Adzam bersetuju dengan Overbeck mengikut surat perjanjian 22 Januari 1878 yang ditulis dalam Bahasa Melayu. Kesultanan Sulu pada masa itu telah menghadapi penindasan daripada kerajaan Sepanyol yang berkuasa di Kepulauan Luzon. William Hood Treacher melaporkan bahawa pada masa itu keadaan Kesultanan Sulu semakin kritikal akibat penindasan daripada Sepanyol dan terpaksa meminta batal perjanjian dengan Overbeck. Overbeck dan Treacher telah melawat kawasan Sultan Sulu dan memberitahu bahawa motif utama kerajaan Sepanyol adalah mahu merampas kawasan Sulu termasuk Borneo Utara.[63]

---

[57]The Diary of William Prettyman, 10 Januari 1880, *Sarawak Museum Journal*, Vol.7, 1956, hlm. 112.
[58]The Diary of William Prettyman, 15 August 1878, *Sarawak Museum Journal*, Vol.7, 1956, hlm. 379
[59] Nicholas Tarling, *Sulu and Sabah, op.cit,* hlm. 221-222.
[60] M:42/82 Publc record Office Copies Variuous Treaties To With Great Britain, United States Of America, France, Germany, Spain and Sulu Treaty Dalam Tajuk Protocol Between Great Britain, Germany and Spain, Signed at Madrid, March Tahun 1885 F.O 71/18.
[61] M:42/82 Public Record Office, Copies Variuous Treaties To With Great Britain, United States Of America, France, Germany, Spain and Sulu Treaty Dalam Tajuk Protocol Between Great Britain, Germany and Spain, Signed At Madrid, March Tahun 1885 F.O 71/18.
[62] Leigh Wright, Historical Notes The North Borneo Dispute, *The Journal of Asian Studies op.cit.*, hlm. 478.
[63] M:49/82, Protokol Madrid 1885 F.O 71/18: Foreign Office 71/14, Treacher to F.O 24 August 1878: Nicholas Tarling, *Sulu and Sabah*, London:Oxford University, 1980, hlm. 191-192.: P. J. Rivers, The Origin Of 'Sabah' and Reappraisal Of Overbeck as Maharajah, *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 77, 2004, hlm. 14.:

Mengikut surat antara Overbeck dengan kerajaan Sepanyol dan Kesultanan Sulu, Overbeck masih kekal berkuasa dan bersepakat dengan British di Borneo Utara mengikut perjanjian 22 Januari 1878. Walau bagaimana pun**,** kerajaan Sepanyol tidak bersetuju mengenai perjanjian 22 Januari 1878 tersebut kerana adalah mustahil Kesultanan Sulu menjadi sebuah kerajaan tanpa pengiktirafan oleh kerajaan Sepanyol.[64] Seterusnya, wakil kerajaan Sepanyol pergi ke Sandakan, Tempasuk dan Marudu membuat ugutan kepada penduduk supaya dapat bertapak di kawasan pantai timur Borneo Utara. Walau bagaimanapun, penduduk di kawasan pantai timur Borneo Utara tidak menerima kedatangan kuasa Sepanyol dan mereka selesa di bawah pentadbiran Overbeck. William Pryer dan penduduk pantai timur menentang kerajaan Sepanyol. Lebih-lebih lagi, Pryer disokong oleh Kerajaan British untuk berdagang di kawasan pantai timur. Oleh itu, wujudlah perjanjian Protokol Madrid pada tahun 1885 antara kuasa British dan Sepanyol.[65]

Selain itu, Kerajaan Sepanyol juga mempertikaikan pengambilan kawasan Sulu selama 7 tahun oleh Overback-Dent. Pada awalnya, pihak kerajaan Sepanyol tidak begitu minat untuk menguasai Borneo Utara. Namun, sekitar awal bulan Januari tahun 1877, seorang pegawai kerajaan Sepanyol membuat rundingan dengan pegawai British untuk meminta kawasan di Borneo Utara. Bagi meredakan konflik kepentingan kedua-dua pihak akhirnya mereka bersetuju melakukan perjanjian yang dinamakan sebagai Protokol Madrid. Namun begitu, kerajaan Sepanyol tidak melaksanakan perjanjian protokol Madrid ini sewajarnya. Situasi ini, akhirnya memenangkan pihak British untuk menguasai Borneo Utara serta menghalau kerajaan Sepanyol daripada Borneo Utara. Menurut Hansard parliment pada tahun 1860, yang ditulis oleh Lord John Wodrhouse mengatakan bahawa:

> "*Sepatutnya kita akui bahawa Kesultanan Sulu adalah sebuah kerajaan tetapi perjanjian 22 Januari 1878 bukanlah dokumen rasmi sebenarnya. Sebaliknya perjanjian tersebut hanyalah kepentingan Sepanyol untuk menakluk kawasan Borneo Utara semata-mata atas alasan di kawasan tersebut adalah milik Kesultanan Sulu. Dengan itu, motif utama Sepanyol adalah untuk meluaskan empayar di Borneo Utara ".*[66]

Akhirnya , pihak British telah berjaya menguasai Borneo Utara dan ini merupakan satu pencapaian besar membantu projek Overbeck-Dent menguasai wialayah Borneo Utara. Pada masa yang sama kedatangan kerajaan Sepanyol di Borneo Utara juga untuk menuntut kawasan Sulu di pantai timur Borneo Utara. Kerajaan Sepanyol cuba membantah pihak British yang berjaya menguasai dan menduduki Borneo Utara. Pihak kerajaan Sepanyol cuba menghalau dan mewujudkan perang dengan British, tetapi kerajaan Sepanyol terikat dengan Protokol

---

Leigh Wright, Historical Notes The North Borneo Dispute, *The Journal of Asian Studies*, Volume 25, Number 3, 1966, hlm. 479.

[64] Leigh Wright, Historical Notes The North Borneo Dispute, *The Journal of Asian Studies*, Volume 25, Number 3, 1966, hlm. 479.: Nicholas Tarling, *Sulu and Sabah,* London:Oxford University, 1980, hlm. 191-192.

[65]Protokol Madrid tahun 1885 F.O 71/1. http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=Protocol%28Madrid%29.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

[66] Leigh Wright, Historical Notes The North Borneo Dispute, The Journal of Asian Studies, Volume 25, Number 3, 1966, hlm. 479.: Wodehouse Spanish Note, 27th July 1860. F.O 71/1.; hasil debatan daripada Lord John Wodrhouse, https://api.parliament.uk/historic-hansard/lords/1860/jul/31/committee-1, sumber diakses 21/11/2019.

Madrid. Oleh itu, pada tahun 1885 British dan Reilly telah berjaya membentuk undang-undang pembahagian sempadan yang selaras dengan undang-undang Protokol Madrid.[67]

## 9.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, istilah 'Maharajah' merupakan istilah pertikaian antara pihak British, Brunei dan Sulu bagi pemerentahan kawasan dan wilayah di Borneo Utara. Setiap pihak tersebut mereka mempunyai pandangan masing-masing kerana pada prinsipnya pihak istana British tidak mengiktirafkan Overbeck sebagai Maharajah di Borneo Utara. Mengenai pandangan Kesultanan Brunei perkataan Maharajah bermakna kawasan di bawah pemerintahan Sultan Brunei yang di pajakkan kepada Overbeck. Manakala pandangan Kesultanan Sulu pula, gelaran Maharajah adalah sama taraf kepada kedudukan Raja dan Dato Bendahara tetapi Maharajah berkuasa secara menyeluruh. Namun, hal ini masih bermaksud segala kekuasaannya mesti dirujuk kepada Sultan Sulu. Namun begitu, Kerajaan British masih menganggap Overbeck hanyalah dikenali sebagai *"The King of Outback" bukan Maharajah.* Istilah Maharajah Overbeck hanyalah satu gurauan semata-mata kerana bagi kerajaan British tidak wujud sebuah Maharajah di Borneo Utara. Bagi Overbeck pula istilah Maharajah adalah sama situasi wakil kerajaan British di India yang merupakan kuasa yang tertinggi dalam pemerintahan. Namun begitu, Overbeck tetap dikenali sebagai Maharajah Sabah (Borneo Utara). Seterusnya, kerajaan Sepanyol cuba merampas kuasa di kawasan Borneo Utara tetapi pihak British berjaya menghalang melaui sebuah perjanjian yang dinamakan Protokol Madrid pada tahun 1885. Bukan itu sahaja, pertikaian gelaran Maharajah juga berlaku dengan Rajah Brooke di Sarawak dan SBUB cuba bersaing antara satu sama lain demi menguasai kawasan wilayah di pulau Borneo. Dalam hal ini yang mendorong Overbeck dikenali sebagai Maharajah adalah disebabkan perjanjiannya dengan Sultan Abdul Momin pada tahun 1877. Manakala Kesultanan Sulu iaitu Sultan Jamalul Adzam juga bersetuju memberi gelaran Maharajah kepada Overbeck melalui perjanjian pada tahun 1878. Justeru, perbincangan di atas adalah penjelasan dan penilaian semula mengenai gelaran Overbeck sebagai 'Maharajah' Sabah (Borneo Utara) mengikut status pandangan pihak Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan kerjaan British pada 1877-1881.

## 10.0 Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada penaja kajian ini, Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah kerana telah menganugerah geran kajian bertajuk, 'Maharaja Overbeck: Satu Pandangan Mengenai Hak dan Kedudukan Pemerintah Borneo Utara (1877-1881)'. Ucapan terima kasih kepada penyelia utama Prof. Madya Dr Bilcher Bala; saudara Abdul Rahman Mad Ali dan juga para sahabat yang membantu dalam melengkapkan kajian ini.

[67] Memo Report, 20 februari. F.O 71/1.: Leigh Wright, Historical Notes The North Borneo Dispute, *The Journal of Asian Studies*, Volume 25, Number 3, 1966, hlm. 479.

## 11.0 Rujukan

### Sumber Primer

### Microfilem

*Ceded to the British North Borneo Company. Drawn form the Admiralty Charts and Report of The Company Own Surveyors; The Sarawak & Brunei Drawn from Mr. Crocker map in R.G.S Proceeding April 1881.*

M:42/82, Brunei Grant of North Borneo to Moses, C.O 874/54.

M:116/82, M63/2002, Grant By Pengeran Temenggong Hashim Of Brunei Of Provinces Of Kimanis And Benoni, 29 Disember, Tahun 1877, C.O 874/54.

M:116/82, Public Record Office, Letter From Baron Overbeck To Sultan Resigning His Titles In Favour Of Alfred Dent And Similar Resigning His Title C.O 874.

M:116/82, M63/2002, Grant Of Sultan Brunei Of Territory The Sulaman River Of Paitan, 29 Disember 1877, C.O 874/54:

M:116/82, M63/2002, Grant By Sultan Brunei Of Territory Comprising Gaya Bay And Sepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54: Grant By Sultan Brunei Of Territory Comprising Gaya Bay And Sepanggar Bay, 29 Disember 1877, C.O 874/54.

M:42/82, Public Record Office Copies Variuous Treaties To With Great Britain, United States Of America, France, Germany, Spain And Sulu Treaty Dalam Tajuk Protocol Between Great Britain, Germany And Spain, Signed At Madrid, March Tahun 1885 F.O 71/18.

M:49/82, Protokol Madrid 1885 F.O 71/18: Foreign Office 71/14, Treacher To F.O 24 August 1878

M:53/82, Public Record Office, English India Company. F.O 71/1.

M:481/82 Public Record Office, Treacher Report Despatches Office and Individual 30 January 1878 C.O 144.

Grant By Sultan Of Sulu Of Territories And Lands On The Mainland Of The Island Of Borneo, pada 22 January 1878, C.O 874/22.

Comission from Sultan of Sulu Appointing Baron Von Overbeck Dato Bendahara and Rajah of Sandakan. C.O 874/22.

### Diary

The Diary of William Prettyman, Sarawak Museum Journal, 7, 1956, 15 August 1878.

The Diary of William Prettyman 10 Januari 1880.

The Diary of William Prettyman 15 August 1878.

**Foreign Office**

Protokol Madrid tahun 1885. F.O 70/41.

Foreing Office Report 9 October 1878. F.O 71/41.

Wodehouse Spanish Note, 27th July 1860. F.O 71/1

Memo Report, 20 februari. F.O 71/1

**Jurnal**

Bala Bilcher, 2012, Borneo Utara (Sabah): Kewujudan Tuntutan Persempadanan Tradisional dan Penjajahan Kuasa Barat Sebelum tahun 1881, Dalam Kumpulan Kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Brown D.E. 1970. Structure and History of a Bornean Malay Sultanate. *Monograph of the Brunei Museum Journal*.

Wright Leight. 1966. Historical Notes The North Borneo Dispute. *The Journal of Asian Studies,* Volume 25. Number 3.

Rivers P.J. 2004. The Origin Of 'Sabah' and a Reappraisal Of Overbeck as Maharajah, Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 77,

Keith Harry George. 1980. The United attes Consul and The Yankee Raja. *Monograph the Brunei Museum Jurnal*. No.4

The Diary of William Prettyman. 1956, 15 August 1878, *Sarawak Museum Journal*, Vol.7.

The Diary of William Prettyman. 1956, 10 Januari 1880, *Sarawak Museum Journal,* Vol.7.

The Diary of William Prettyman. 1956, 15 August 1878, *Sarawak Museum Journal*, Vol.7.

Tregonning Kennedy Gordon, 1970 The Philippine Claim To Sabah, *Malaysia Branch Royal Asiatic*. Vol. 43 .

Scatler Phillip Lutley. 1879. The New Maharajahate of Sabak, Borneo, *The Royal Geographical Society,* United Kingdom, London. Vol. 1. 2 .

**Buku**

Awang Hasbol. 2018. *Politik Kesultanan Brunei, 1804-1906*. Persatuan Sejarah Brunei: Brunei Darussalam.

Awang Hasbol. 2011. *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19, Politik Dan Struktur Pentadbiran.* Brunei Darulsalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam.

Awang Jamil Al-Sufri. 1997. Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemahsyuran; Pusat Sejarah Brunei, Brunei Darussalam.

Ranjit Singh. 2011.*The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indegeniuos Society*, Kota Kinabalu, Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar.

Hernando Orlando. 1951. *The Philippine Claim To North Borneo*. University of the Philippines.

Rutter Owen. 2015. *British North Borneo.* Kota Kinabalu: Opus Publication.

Tarling Nicholas. 1980 *Sulu and Sabah*. London:Oxford University.

John Dill Ross. 1911. 60 Years Travel and Adventure In Far East, Vol I, E. P Dutton & Company: New York.

Tregonning Kennedy Gordon. 2007. *Under Chartered Company Rule*. University of Malaya: Kuala Lumpur .

Tregonning Kennedy Gordon. 1960. *North Borneo*. University of Singapore: Singapore.

**Internet**

http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=Protocol%28Madrid%29.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoryComprisingGayaBayAndSapangarBay.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf, sumber diakses 20/11/2019.

http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfSuluAppointingBaronDeOverbeckDatuBandaharAndRajahOfSandakan.pdf sumber diakses 20/11/2019.

www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=CommissionFromSultanOfBorneoAppointingGustavusBaronDeOverbeckMaharajahOfSabah%28NorthBorneo%29AndRajahOfGayaAndSandakan.pdf sumber diakses 20/11/2019.

https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/outback, sumber diakses, 20/11/2019.

Hasil debatan daripada Lord John Wodrhouse, https://api.parliament.uk/historic-hansard/lords/1860/jul/31/committee-1, sumber diakses 21/11/2019.